



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 186

AKTA TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM 1977

2

Tarikh Persetujuan Diraja ... 27hb Ogos 1977

Tarikh diterbitkan dalam *Warta* 1hb September 1977

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 186

AKTA TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM 1977

SUSUNAN SEKSYEN-SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas.
2. Tafsiran.
3. Tribunal Perkhidmatan Awam.
4. Tugas-tugas Tribunal.
5. Perlaksanaan tugas-tugas.
6. Kuasa-kuasa Tribunal.
7. Saraan.
8. Perlantikan Setiausaha.
9. Penjawat awam.
10. Acara.
11. Orang yang terkilan.
12. Rujukan anomali.
13. Prerogatif pengurusan.
14. Keputusan mengenai anomali.
15. Keputusan Tribunal terakhir, muktamad dan hendaklah dipatuhi.
16. Suruhanjaya gaji tidak boleh disaman.
17. Perlindungan bagi ahli-ahli.
18. Mogok dan tindakan perusahaan yang ditegah dilarang.
19. Menyiar atau menzahirkan maklumat tidak dibenarkan.
20. Hukuman bagi pemegang jawatan.
21. Penalti am.
22. Izin Pendakwa Raya terhadap pendakwaan.
23. Kaedah-kaedah.

JADUAL.

U2f 19/2/88
Act A 822/92
Act A 883/94

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 186

AKTA TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM 1977

Suatu Akta bagi menubuhkan suatu badan untuk menyiasat dan menyelesaikan anomali-anomali berkenaan dengan saraan dan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan dalam perkhidmatan awam.

[2hb. September 1977]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977. Tajuk ringkas.
2. Dalam Akta ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

“anomali” ertinya—

- (a) apa-apa keadaan, berkenaan dengan saraan atau had-had dan syarat-syarat perkhidmatan seseorang pegawai awam atau mana-mana golongan pegawai awam dan berbangkit dari pelaksanaan syor-syor sesuatu suruhanjaya gaji, yang menjadi suatu penyelewengan atau penyimpangan dari prinsip-prinsip yang menjadi dasar syor-syor suruhanjaya gaji itu dan yang masih menjadi suatu penyelewengan atau penyimpangan dari prinsip-prinsip dalam syor-syor Jawatankuasa Kabinet; atau
- (b) apa-apa keadaan, berkenaan dengan saraan atau had-had dan syarat-syarat perkhidmatan seseorang pegawai awam atau mana-mana golongan atau kumpulan pegawai awam dan berbangkit dari

2/AA 322

perlaksanaan syor-syor Jawatankuasa Kabinet, yang menjadi suatu penyelewengan atau penyimpangan dari prinsip-prinsip yang menjadi dasar syor-syor Jawatankuasa Kabinet; atau

→ tetapi tidak termasuk apa-apa keadaan yang mengwujudkan suatu anomali lain yang disebabkan semata-mata oleh suatu keputusan yang telah diambil mengenai sesuatu anomali di bawah Akta ini

“(B) 175. → “Jawatankuasa Kabinet” ertinya Jawatankuasa Kabinet yang dilantik oleh Kabinet untuk memeriksa Laporan Semakan Suruhanjaya Gaji Diraja, 1975;

→ “Kerajaan” ertinya Kerajaan Persekutuan atau sesuatu Kerajaan Negeri;

“kesatuan sekerja” ertinya mana-mana persatuan atau kombinasi pegawai-pegawai awam yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan pendaftaran kesatuan-kesatuan sekerja, tetapi tidak termasuk gabungan kesatuan-kesatuan sekerja;

“mogok” ertinya perhentian kerja oleh sesuatu kumpulan orang-orang yang diambilkerja dalam perkhidmatan awam dengan bertindak secara kombinasi, atau keengganan bersama atau keengganan di bawah persefahaman bersama sebilangan orang yang diambilkerja atau telah diambilkerja untuk terus bekerja atau untuk menerima pekerjaan;

“pegawai awam” ertinya seseorang yang memegang apa-apa jawatan atau pekerjaan dalam atau di bawah mana-mana perkhidmatan awam;

“perkhidmatan awam” ertinya—

- (a) mana-mana perkhidmatan awam yang disebutkan dalam Perkara 132 Perlembagaan, ~~lain daripada pasukan polis dan angkatan tentera;~~
- (b) mana-mana pihakberkuasa tempatan;
- (c) mana-mana pihakberkuasa berkanun yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang Persekutuan atau Negeri;
- (d) perkhidmatan parlimen; dan
- (e) mana-mana orang, tribunal, badan, institusi atau pihakberkuasa yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta*, sebagai suatu perkhidmatan awam bagi maksud takrif ini;

“suruhanjaya gaji” ertinya Suruhanjaya Suffian, Suruhanjaya Aziz dan Suruhanjaya Harun yang dilantik untuk menyiasat, mengkaji semula dan membuat laporan dan syor-syor mengenai saraan dan had-had dan syarat-syarat perkhidmatan dalam perkhidmatan awam;

P.W.
2361/66.
P.W.
1513/67
P.U. (B)
41/70
P.U. (B)
202/71.

“tindakan perusahaan yang ditegah” ertinya—

- (a) apa-apa perbuatan atau ketinggalan oleh mana-mana pegawai awam, yang dimaksud untuk atau sebenarnya mengakibatkan apa-apa pembatasan atau sekatan atau perhentian atau kelambatan dalam melaksana atau menjalankan kesemua atau apa-apa bahagian kewajipan yang berkenaan dengan pekerjaannya; atau
- (b) apa-apa keengganan atau kemungkiran mana-mana pegawai awam mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan kepadanya oleh pegawai atasannya berkenaan dengan pelaksanaan kewajipan-kewajipan pekerjaannya, jika keengganan atau kemungkiran itu dimaksud untuk atau sebenarnya mengakibatkan apa-apa pembatasan atau pengurangan atau perhentian atau kelambatan dalam melaksana atau menjalankan kesemua atau apa-apa bahagian kewajipan yang berkenaan dengan pekerjaannya;
- (c) apa-apa perbuatan atau ketinggalan oleh mana-mana pegawai awam yang diperihalkan dalam Jadual sebagai suatu tindakan perusahaan yang ditegah bagi maksud Akta ini.

3. (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu Tribunal Perkhidmatan Awam yang disebut dalam Akta ini sebagai Tribunal, yang akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan yang mana hendaklah terdiri daripada:

Tribunal
Perkhid-
matan
Awam.

- (a) seorang Pengerusi; dan
 - (b) suatu penal orang-orang dan mereka itu hendaklah orang-orang yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam perkara-perkara pentadbiran.
- (2) Seseorang ahli Tribunal hendaklah dilantik selama tempoh tiga tahun atau selama apa-apa tempoh yang lebih singkat yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong.
- (3) Seseorang ahli boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya tetapi tidak boleh dipecat dari jawatannya kecuali oleh Yang di-Pertuan Agong.

(4) Yang di-Pertuan Agong boleh dari semasa ke semasa membuat tambahan kepada orang-orang yang dinamakan dalam penal itu dan, walau bagaimanapun, boleh melantik seorang ahli baru untuk menggantikan seorang ahli yang mati atau meletakkan jawatan atau ingin hendak berhenti atau tidak berkebolehan lagi menjalankan kewajibannya.

Tugas-tugas
Tribunal.

4. Tugas-tugas Tribunal ialah memutuskan apa-apa pertikaian berkenaan dengan sesuatu anomali yang dirujuk kepada di bawah peruntukan-peruntukan Akta ini.

Perlak-
lanaan
tugas-tugas.

5. (1) Dalam pelaksanaan tugas-tugasnya, Pengerusi dan dua orang ahli lain yang dipilih oleh Pengerusi dari penal itu adalah menjadi Tribunal.

(2) Keputusan Tribunal hendaklah mengikut pendapat bilangannya yang terbanyak.

Kuasa-kuasa
Tribunal.

6. (1) Tribunal adalah mempunyai kuasa-kuasa yang berikut:

- (a) untuk mendapat dan menerima apa-apa jua keterangan, bertulis atau lisan, dan memeriksa sesiapa jua sebagai saksi, yang difikirkan perlu atau patut oleh Tribunal untuk didapati atau diperiksa;
- (b) untuk menghendaki keterangan (sama ada bertulis atau lisan) seseorang saksi supaya dibuat dengan mengangkat sumpah atau berikrar (sumpah atau ikrar itu hendaklah sumpah atau ikrar yang boleh dikehendaki dari saksi itu seolah-olah ia memberi keterangan dalam Mahkamah Tinggi) atau dengan akuan berkanun;
- (c) tertakluk kepada seksyen-kecil (2) untuk menyaman mana-mana orang supaya menghadiri mesyuarat Tribunal untuk memberi keterangan atau mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam miliknya dan untuk memeriksa orang itu sebagai seorang saksi atau menghendaki orang itu mengemukakan apa-apa dokumen atau benda lain dalam miliknya;
- (d) untuk mendengar dan memutuskan pertikaian berkenaan dengan anomali yang dirujuk kepadanya walaupun mana-mana pihak tidak mengemukakan apa-apa pernyataan bertulis yang dikehendaki oleh Tribunal dalam tempoh yang ditetapkan oleh Pengerusi atau walaupun tidak hadir mana-mana pihak kepada pertikaian itu yang telah disampaikan saman atau notis supaya hadir;

- (e) untuk mengeluarkan suatu waran tangkap untuk memaksa kehadiran seseorang yang tidak hadir, selepas disaman supaya hadir, dan tidak memberi apa-apa sebab yang memuaskan hati Tribunal mengapa ia tidak hadir;
- (f) walau apapun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan keterangan, untuk menerima apa-apa keterangan, sama ada bertulis atau lisan, yang mungkin tidak boleh diterima dalam pembicaraan sivil atau jenayah;
- (g) untuk menjalankan pembicaraannya atau apa-apa bahagiannya secara tertutup;
- (h) tertakluk kepada apa-apa arahan Pengerusi—
 - (i) untuk membenarkan masuk atau menyingkir orangramai dari pembicaraannya atau apa-apa bahagiannya;
 - (ii) untuk membenarkan masuk atau menyingkir akhbar dari pembicaraannya atau apa-apa bahagiannya.

(2) Tiada seseorang pegawai awam bertanggungjawab mengemukakan apa-apa dokumen dalam pembicaraan di hadapan Tribunal, yang pada pendapat Kerajaan tidaklah bagi kepentingan awam untuk dikemukakan; keputusan Kerajaan itu mengenai perkara ini tidak boleh dipersoalkan atau dikaji semula oleh Tribunal atau mana-mana mahkamah atau mana-mana pihakberkuasa.

7. (1) Saraan ahli-ahli Tribunal hendaklah terdiri dari apa-apa gaji atau elaun tetap atau apa-apa elaun dan keistimewaan yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong. Saraan.

(2) Jumlah wang yang dikehendaki bagi saraan yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah dipertanggungjawabkan kepada Kumpulanwang Disatukan.

8. (1) Pengerusi hendaklah melantik seorang Setiausaha Tribunal dan boleh melantik mana-mana pegawai atau penjawat lain yang difikirkannya perlu. Perlantikan Setiausaha.

(2) Kewajipan-kewajipan Setiausaha dan lain-lain pegawai dan penjawat itu hendaklah sebagaimana yang diarahkan oleh Pengerusi.

9. Tiap-tiap ahli, pegawai dan penjawat Tribunal hendaklah disifatkan sebagai penjawat awam dalam erti Kanun Kesiksaan. Penjawat awam.
N.M.B. Bab 45.

Acara.

10. Tribunal hendaklah, kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Akta ini dan tertakluk kepada apa-apa peraturan yang dibuat bagi maksud itu, mengatur acaranya sendiri.

Orang yang terkilan.

11. (1) Bagi maksud Akta ini, mana-mana orang yang berikut (disebut dalam Akta ini sebagai orang yang terkilan) boleh merujuk apa-apa anomali berkenaan dengan mana-mana perkhidmatan awam kepada Kerajaan Persekutuan bagi maksud rundingan, iaitu—

(a) kesatuan sekerja jika anomali yang dikatakan itu adalah berkenaan dengan seseorang ahlinya;

(b) persatuan pegawai-pegawai awam yang bukan suatu kesatuan sekerja jika anomali yang dikatakan itu adalah berkenaan dengan seseorang ahlinya;

(c) pegawai awam yang bukan ahli suatu kesatuan sekerja atau suatu persatuan jika anomali yang di-

→ (d) dikatakan itu adalah berkenaan dengannya, dan

(2) Bagi maksud rundingan di bawah seksyen-kecil (1) hanya seorang pemegang jawatan bagi kesatuan sekerja atau persatuan yang tersebut dalam (a) dan (b) itu sahaja boleh mewakili orang yang terkilan itu dan, berkenaan dengan (c), orang yang berkenaan itu.

→ (3) Jika sesuatu anomali yang disebutkan di bawah seksyen ini diselesaikan melalui rundingan, maka keputusan itu hendaklah berkuatkuasa dan berkesan sama seperti suatu keputusan Tribunal.

12. Jika sesuatu anomali ada di bawah seksyen 11 dan anomali tersebut tidak diselesaikan melalui rundingan, maka pertikaian berkenaan dengan anomali itu hendaklah dirujuk kepada Tribunal oleh mana-mana pihak kepada pertikaian itu.

13. Perkara-perkara yang berikut hendaklah ditafsirkan sebagai prerogatif pengurusan dan tidak boleh dibangkitkan atau dijadikan suatu hal-perkara rundingan atau rujukan kepada Tribunal di bawah Akta ini oleh mana-mana orang yang terkilan—

(a) mengada dan menggred jawatan;

(b) mengada dan menggred skim perkhidmatan;

(c) menaikkan pangkat seseorang pegawai awam daripada suatu gred rendah kepada suatu gred tinggi;

Rujukan anomali.

AAGS

by AAS

Prerogatif pengurusan.

- (d) menukarkan seseorang pegawai awam;
- (e) melantik seseorang jika sekiranya berlaku suatu kekosongan dalam perkhidmatan awam;
- (f) menamatkan perkhidmatan seseorang pegawai awam oleh sebab kelebihan atau penyusunan semula;
- (g) membuang kerja atau menempatkan semula ke jawatan, seseorang pegawai awam; dan
- (h) memberi atau menguntukkan kewajipan dalam perkhidmatan awam.

Subs. by AF

14. (1) Jika ada suatu pertikaian berkenaan dengan sesuatu anomali dan anomali itu telah tidak diselesaikan di bawah seksyen 11, Tribunal hendaklah menyasat keadaan anomali yang dirujuk kepada itu dan membuat suatu keputusan mengenainya.

Keputusan mengenai anomali.

(2) Dalam membuat keputusan mengenai sesuatu anomali Tribunal hendaklah menimbang tentang kepentingan negara, implikasi kewangan dan kesan keputusan itu ke atas ekonomi negara.

(2)---

← AA&D

15. (1) Keputusan Tribunal mengenai sesuatu anomali yang dirujuk kepadanya adalah terakhir dan muktamad, dan hendaklah dipatuhi oleh Kerajaan dan semua pihak kepada anomali itu dan tiada sesuatu keputusan boleh dicabar, dibuat rayuan terhadapnya, dikaji semula, dibatalkan atau dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah.

Keputusan Tribunal terakhir, muktamad dan hendaklah dipatuhi.

(2) Keputusan Tribunal itu hendaklah dilaksanakan dengan seberapa segera yang praktik, tetapi tidak lewat daripada enam bulan dari tarikh keputusan itu diberi.

(3) Sesuatu anomali yang dirujuk kepada Tribunal dan yang keputusan mengenainya telah diberi oleh Tribunal tidak boleh dibangkitkan atau menjadi hal-perkara rujukan selanjutnya kepada Kerajaan dalam apa-apa rupa atau bentuk oleh mana-mana pegawai awam atau sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu persatuan pegawai-pegawai awam yang bukan suatu kesatuan sekerja.

(4) Tribunal tidak boleh melayani apa-apa tuntutan oleh mana-mana pegawai awam atau sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu persatuan pegawai-pegawai awam yang bukan suatu kesatuan sekerja, yang berupa sebagai suatu anomali berikutan dengan kesan suatu keputusan mengenai sesuatu anomali di bawah seksyen 11 atau 14.

(5) Keputusan Tribunal mengenai sesuatu anomali yang dirujuk kepada boleh dipakai bagi mana-mana pegawai awam dalam sekim perkhidmatan yang sama yang bukan suatu pihak kepada anomali itu.

687 →
Suruhanjaya
gaji tidak
boleh
disaman.

15A
16. Tiada seseorang ahli suatu suruhanjaya gaji atau Jawatankuasa Kabinet atau mana-mana Menteri boleh disaman supaya memberi keterangan di hadapan Tribunal.

Perlindungan
bagi
ahli-ahli.

17. Walau apapun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis, tiada seseorang ahli Tribunal boleh dipaksa oleh mana-mana mahkamah supaya hadir sebagai seorang saksi atau suatu pihak dalam sesuatu pembicaraan berhubung dengan apa-apa perbuatan, hal atau perkara yang dilakukan olehnya di bawah Akta ini.

Mogok dan
tindakan
perusahaan
yang ditegah
dilarang.

18. (1) Walau apapun peruntukan yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan perhubungan perusahaan, adalah salah di sisi undang-undang bagi mana-mana ahli kesatuan sekerja atau mana-mana ahli persatuan pegawai-pegawai awam yang mana adalah seorang yang terkilan atau bagi seseorang orang yang terkilan mengadakan mogok atau melakukan apa-apa perkara yang ditetapkan dalam Akta ini sebagai tindakan perusahaan yang ditegah pada bila-bila masa selepas sesuatu anomali dirujuk di bawah seksyen 11 atau 12 atau dalam masa pembicaraan Tribunal masih belum selesai atau pada bila-bila masa selepas suatu keputusan dibuat oleh Tribunal.

687
(2) Tiada sesuatu pertubuhan, badan atau kesatuan sekerja atau kumpulan kesatuan sekerja boleh menyata atau melakukan apa-apa perkara yang boleh ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan atau simpati terhadap mana-mana orang yang terkilan apabila sesuatu anomali dirujuk di bawah seksyen 11 atau 12 atau dalam masa pembicaraan Tribunal masih belum selesai atau pada bila-bila masa selepas suatu keputusan dibuat oleh Tribunal.

menyar
u
menzahirkan
klumat
dik di-
arkan.

19. Tiada seseorang ahli Tribunal dan juga tiada seseorang lain boleh, tanpa kebenaran bertulis Yang di-Pertuan Agong, menyar atau menzahirkan kepada sesiapa yang takberkuasa, atau kecuali dalam menjalankan kewajipan, kandungan apa-apa jua dokumen, perhubungan atau maklumat yang sampai ke pengetahuannya dalam menjalankan kewajibannya sebagai ahli itu berkenaan dengan apa-apa perkara berhubung dengan apa-apa tugas yang dijalankan oleh Tribunal.

20. (1) Jika sesuatu kesalahan telah dilakukan di bawah Akta ini, sama ada atau tidak seseorang telah disabitkan berkenaan dengannya, dan kesalahan itu telah dilakukan atau berupa sebagai telah dilakukan atas nama atau bagi pihak sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu persatuan pegawai-pegawai awam yang bukan suatu kesatuan sekerja, tiap-tiap pemegang jawatan kesatuan sekerja atau persatuan itu yang mengurus atau membantu dalam mengurus kesatuan sekerja atau persatuan itu pada masa kesalahan itu dilakukan boleh dikenakan hukuman yang ditetapkan dalam seksyen-kecil (3); melainkan jika ia menunjukkan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya dan bahawa ia telah menjalankan segala usaha yang sewajarnya untuk mencegah kesalahan itu daripada dilakukan.

Hukuman bagi pemegang jawatan.

(2) Mana-mana pemegang jawatan sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu persatuan pegawai-pegawai awam yang bukan suatu kesatuan sekerja yang mengurus atau membantu dalam mengurus mana-mana kesatuan sekerja atau mana-mana persatuan yang disebutkan dalam seksyen-kecil (1) boleh didakwa di bawah seksyen ini, walaupun ia mungkin telah tidak mengambil bahagian dalam melakukan kesalahan itu.

(3) Mana-mana pemegang jawatan sesuatu kesatuan sekerja atau sesuatu persatuan pegawai-pegawai awam yang bukan suatu kesatuan sekerja yang mengurus atau membantu dalam mengurus mana-mana kesatuan sekerja atau mana-mana persatuan yang disebutkan dalam seksyen-kecil (1) boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda sebanyak lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada dua tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

21. Tiap-tiap orang dan tiap-tiap kesatuan sekerja atau mana-mana persatuan pegawai-pegawai awam yang bukan suatu kesatuan sekerja yang melanggar mana-mana peruntukan Akta ini dan yang tiada apa-apa hukuman lain diperuntukkan baginya adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara itu kedua-duanya.

Penalti am.

22. (1) Sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini tidak boleh dibawa kecuali oleh atau dengan izin Pendakwa Raya.

Izin Pendakwa Raya terhadap pendakwaan.

(2) Walaupun izin Pendakwa Raya itu telah tidak diperolehi, seseorang yang dipertuduhkan atas kesalahan itu boleh ditangkap atau suatu waran untuk menangkapnya boleh dikeluarkan dan dilaksanakan. Orang itu boleh ditahan dalam jagaan atau dilepaskan dengan jaminan, tetapi kes itu tidak boleh didakwa selanjutnya sehingga izin itu telah diperolehi.

(3) Jika seseorang di bawa ke hadapan suatu mahkamah sebelum Pendakwa Raya telah mengizinkan pendakwaan itu, pertuduhan itu hendaklah dihuraikan kepadanya tetapi ia tidak boleh diminta memberi jawapan, dan undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa berhubung dengan acara jenayah hendaklah diubahsuai dengan sewajarnya.

Kaedah-
kaedah.

23. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang tidak berlawanan dengan peruntukan-peruntukan Akta ini untuk menjalankan maksud Akta ini.

(2) Yang di-Pertuan Agong boleh menambah kepada, memotong daripada, atau secara lain, meminda atau mengubah Jadual dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut.

JADUAL

(Seksyen 2 dan 23 (2))

- (1) menghasut atau mengapiakan mana-mana orang lain supaya mengambil bahagian dalam, atau supaya meneruskan atau supaya menyokong dengan wang atau lain-lain, atau supaya melakukan apa-apa perbuatan lain pada mengharap atau memajukan suatu pertikaian berkenaan dengan sesuatu anomali;
- (2) mengambil bahagian dalam atau menjadi seorang anggota sesuatu perjumpaan atau perhimpunan, sama ada di tempat awam atau di tempat persendirian, terdiri dari lima orang atau lebih yang dipanggil bagi maksud menghasut atau mengapiakan seseorang supaya mengambil bahagian dalam, atau supaya meneruskan, atau supaya menyokong dengan wang atau lain-lain, atau supaya melakukan apa-apa perbuatan lain pada mengharap atau memajukan suatu pertikaian berkenaan dengan sesuatu anomali;
- (3) mengadakan, mengatur atau memanggil atau menyebabkan diadakan, diatur atau dipanggil atau dengan apa-apa cara terlibat dalam mengadakan, mengatur atau memanggil atau dalam menyebabkan diadakan, diatur atau dipanggil atau dalam melakukan apa-apa perbuatan bagi mengadakan, mengatur atau memanggil sesuatu perjumpaan atau perhimpunan terdiri dari lima orang atau lebih

di mana-mana tempat, sama ada di tempat awam atau di tempat persendirian, yang mana adalah melanggar perenggan (2) di atas;

- (4) hadir di mana-mana tempat atau dekat dengan mana-mana tempat, sama ada tempat awam atau tempat persendirian pada memajukan suatu pertikaian berkenaan dengan sesuatu anomali, dengan syarat bahawa tiada sesuatu penyertaan dalam, atau sesuatu kehadiran, atau apa-apa perbuatan lain yang dilakukan di sesuatu mesyuarat oleh mana-mana ahli kesatuan sekerja atau mana-mana ahli persatuan pegawai-pegawai awam yang mana adalah seorang yang terkilan atau seseorang yang terkilan untuk menimbangkan anomali itu atau perkara-perkara berhubung dengan anomali itu boleh disifatkan sebagai suatu tindakan perusahaan yang ditegah;
- (5) pada mengharap atau memajukan suatu pertikaian berkenaan dengan sesuatu anomali menggunakan pembesar-suara, pelaung, penguatsuara, atau apa-apa alat lain yang seumpamanya;
- (6) pada mengharap atau memajukan suatu pertikaian berkenaan dengan sesuatu anomali—
- (i) membuat atau menyebabkan dibuat atau melakukan apa-apa perbuatan bagi membuat atau menyebabkan dibuat; atau
 - (ii) mengibar, mempamir, menunjukkan atau dengan apa-apa cara menggunakan, atau sebab dikibar, dipamir, ditunjukkan atau dengan apa-apa cara digunakan; atau
 - (iii) ada dalam milik, jagaan atau kawalannya; apa-apa bendera, panji-panji, pelekat, poster, lambang atau apa-apa jua alat lain;
- (7) pada mengharap atau memajukan suatu pertikaian berkenaan dengan sesuatu anomali, membuat apa-apa perhubungan, sama ada secara lisan atau secara bertulis, dengan orangramai atau dengan akhbar.